

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 3 Ogos 2018

Khazanah lantik Datuk Shahril Ridza Ridzuan sebagai Pengarah Urusan

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Datuk Shahril Ridza Ridzuan sebagai Pengarah Urusan. Datuk Shahril bakal melaporkan diri sebagai Pengarah Urusan pada 20 Ogos 2018.

Datuk Shahril, 48, yang kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”), telah memegang jawatan tersebut sejak 16 April 2013. Sebelum itu, beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan). Sebelum menyertai KWSP, beliau adalah Pengarah Urusan Malaysian Resources Corporation Berhad (“MRCB”), yang mana beliau bertanggungjawab membangunkan KL Sentral menjadi salah satu pusat komersil utama di negara ini. Beliau juga pernah berkhidmat di Pengurusan Danaharta Nasional Berhad di mana beliau terlibat dalam pemulihan korporat dan penstrukturan semula kredit berikutan Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997. Beliau kini juga adalah ahli lembaga pengarah bukan eksekutif di Media Prima Berhad, Malaysia Building Society Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, MRCB dan IJN Holdings Sdn Bhd. Datuk Shahril memegang Ijazah Sarjana (Kelas Pertama) daripada Universiti Cambridge dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Sivil (Kelas Pertama) daripada Universiti Oxford, serta telah diterima masuk ke Bar Malaysia serta Bar England dan Wales.

Khazanah turut ingin mengalu-alukan pengerusi serta ahli-ahli lembaga pengarah baharu seperti yang diumumkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada 30 Julai 2018.

Di samping itu, Khazanah ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada mantan ahli-ahli lembaga pengarah serta pengarah urusannya, Tan Sri Datuk Wira Azman Hj Mokhtar atas khidmat dan sumbangan mereka kepada Khazanah dan negara.

TAMAT

Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel di raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan mengurus aset komersial Kerajaan dan melaksanakan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti kuasa, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, rekreasi & pelancongan, hartanah, kreatif & media, pendidikan, dan inovasi & teknologi. Beberapa syarikat senaraian awam dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawat www.khazanah.com.my.